

<b>Headline</b>	<b>Kandang panda dibina Jun depan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	17 Jan 2013	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Setempat</b>	<b>Circulation</b>	<b>324,097</b>
<b>Page No</b>	<b>31</b>	<b>Readership</b>	<b>1,981,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>97 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,000</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 5,999</b>



# Kandang panda dibina Jun depan

**Kuala Lumpur:** Kerja pembinaan penempatan pasangan panda diplomatis Malaysia-China di Zoo Negara dijadualkan bermula Jun depan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang April 2014.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, persediaan awal sudah dibuat terma-

suk meneliti pelan lokasi dan reka bentuk tapak.

“Pasangan panda dijangka tiba sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China pada 2014. Jadi, sebagai permulaan, kita membuat persediaan bekalan makanan haiwan berkenaan dengan bantuan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),” katanya.

Menurutnya, projek itu akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada tiga pihak yang memegang peranan bersama iaitu Kerajaan Malaysia, Zoo Negara dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Soal penjagaan panda dan penyelenggaraan penempatan itu akan diuruskan sepenuhnya oleh Zoo Negara, semen-

tara kerajaan dan 1MDB akan menanggung kos pembinaannya.

“Apabila perancangan ini berjalan lancar kelak, kita jangka Zoo Negara berupaya menggandakan jumlah pengunjungnya kepada 2 juta berbanding sekarang hanya 1 juta,” katanya.

Menurutnya, penempatan itu dianggarkan melanjutkan belanja RM25 juta.